

## ANALISIS VERBAL BERITA TERPILIH DALAM AKHBAR *MALAYSIAKINI*

*DARWALIS BINTI SAZAN*

*Universiti Sains Malaysia*

[darwalis.sazan@gmail.com](mailto:darwalis.sazan@gmail.com)

*NORIAH BINTI MOHAMED*

*Universiti Sains Malaysia*

[noriahm@usm.my](mailto:noriahm@usm.my)

*MD ZHRIL NIZAM BIN MD YUSOFF*

*Universiti Sains Malaysia*

[zahril\\_nizam@yahoo.com](mailto:zahril_nizam@yahoo.com)

*SA'ADIAH BINTI MA'ALIP*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

[adia@ukm.edu.my](mailto:adia@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu usaha untuk membuktikan nilai berita dapat dijelaskan berdasarkan disiplin linguistik. Nilai berita merupakan salah satu kriteria penting dalam akhbar dan aspek ini berupaya menjelaskan fenomena yang mempengaruhi ciri linguistiknya. Berdasarkan penelitian khusus dalam aspek yang dibincangkan ini, kajian lanjut perlu dilaksanakan. Kelompangan kajian lepas terhadap aspek yang akan dibincangkan ini menyumbang signifikansi kajian selain persoalan tentang kebolehsanaan aspek kajian yang mampu dijelaskan secara linguistik kini terjawab. Bagi melaksanakan kajian ini secara sistematik dan mencapai objektif yang ditetapkan, penyelidik mengaplikasikan pendekatan secara kualitatif. Berdasarkan pendekatan kualitatif ini, tiga kaedah digunakan iaitu kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang dan analisis kandungan. Data dalam kajian juga dihuraikan secara deskriptif. Dalam kajian ini, perbincangan dan penganalisan hanya melibatkan empat kategori utama nilai berita, yakni keelitan, impak, negatif dan positif. Selain itu, kajian dijalankan berlandaskan Analisis Nilai Berita Diskursif (*Discursive News Value Analysis*) mengikut kerangka Bednarek & Caple (2017). Sebanyak 30 data dianalisis dalam kajian ini dan kesemua data hanya melibatkan data isu sosial. Dapatan analisis kajian dalam sumber verbal berita akhbar *Malaysiakini* menunjukkan bahawa setiap empat kategori nilai berita ini terdiri daripada ciri linguistik yang tertentu. Setiap ciri linguistik yang telah dikenal pasti ini menyerlahkan ideologi penulis yang mempengaruhi pembentukan empat kategori nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini*. Kajian ini juga

berjaya mencungkil latar belakang akhbar *Malaysiakini* bagi setiap isu sosial yang diketengahkan dalam teks berita. Bentuk, ciri dan kandungan bagi setiap nilai berita dalam akhbar ini, sememangnya telah diadun oleh penulis berdasarkan ideologinya untuk disampaikan kepada pembaca.

**Kata kunci:** Analisis verbal; ideologi; Malaysiakini; nilai berita; sosial

## **A VERBAL ANALYSIS OF SELECTED NEWS IN MALAYSIAKINI**

### **ABSTRACT**

This study is an effort to prove that news value can be explained based on linguistic discipline. News value is one of the important criteria in newspaper and this aspect seeks to explain the phenomena that affect its linguistic features. Based on observation towards research on this aspects, further research need to carry out. The flaw of previous research on the aspects to be discussed may contributes to the significance of the study besides the question of the feasibility aspects of this study that can be explained linguistically is now answered. In order to achieve the objectives and to carry out this study systematically, researchers employ a qualitative approach. Based on this qualitative approach this study includes three methods, namely library method, websites method and content analysis. The data will also employ a descriptive data elaborated. In this research, discussion and analysing data was based on four category of news value, which are eliteness, impact, negative and positive. Besides that, this study proposing a theoretical framework of Bednarek & Caple (2017) which is Discursive News Value Analysis. Thirty data were analysed and the data based on social issues in this study. The findings of this study shown that each of four news value in *Malaysiakini* had its specific linguistic features. Each one of these linguistic features accentuates author's ideology which influences the formation of four news value in *Malaysiakini*. This study also successfully extracted the background of *Malaysiakini* based on each social issue that has been featured in news text. The form, features and content in each news value of this newspaper was strongly tranfused by author's ideology in order to be conveyed to the reader.

**Keywords:** Verbal analysis; ideology; Malaysiakini; news value; social

### **PENGENALAN**

Akhbar mempunyai peranan dan struktur yang tersendiri untuk menarik minat pembaca dalam sesuatu isu yang diketengahkan. Menurut pandangan Everett et al. (1994) akhbar diibaratkan seperti tulang belakang kepada sistem demokrasi yang mempengaruhi institusi kemasyarakatan dalam kehidupan seharian manusia. Shahrul Nazmi Sannusi & Ong Yi Min (2016), akhbar menanggung tanggungjawab yang besar dari segi penyampaian berita dan kebenaran kepada publik. Wartawan dan editor berperanan membentuk pemikiran, pendapat dan persepsi publik terhadap sesebuah isu sama ada baik atau buruk, betul atau tidak. Selain itu, akhbar merupakan satu saluran yang amat penting dalam menyampaikan peristiwa yang berlaku di seluruh negara.

Secara umum, peranan akhbar banyak diperjelas oleh ahli sarjana. Dalam kajian ini, perkara pokok yang dibincangkan merupakan sumber verbal berita, iaitu aspek nilai berita. Aspek nilai berita ini adalah berkaitan dengan pembentukan teks berita yang

diketengahkan oleh penulis. Setiap kategori nilai berita membawa mesej tertentu. Misalnya, kajian tentang nilai berita berdasarkan disiplin linguistik dapat dikesan dan dikenal pasti dari aspek penggunaan leksikal, frasa, klausa dan lain-lain yang dapat dijelaskan sebagai fungsi nilai berita tersebut. Setiap kategori nilai berita mempunyai ciri linguistik yang tersendiri bagi menonjolkan nilai berita yang disampaikan. Pandangan ini ada dinyatakan oleh Sarimah dan Hamed (2011) bahawa nilai berita dalam akhbar diterapkan berdasarkan penyampaian penulis tentang sesuatu isu yang diutarakan termasuklah tajuk berita, isu berita, kandungan berita, ruangan berita dan lain-lain bagi menonjolkan sebab utama isu tersebut dipilih sebagai bahan berita.

Sebelum ini, kajian terhadap nilai berita banyak diperoleh berdasarkan disiplin media massa dan komunikasi berbanding dengan kajian yang memperincikan nilai berita secara linguistik dalam kajian akhbar berbahasa Melayu. Aspek yang dibincangkan tidak berdasar kepada perincian mengikut kaedah linguistik sebenar. Menurut pandangan Bednarek & Caple (2017) hal ini mungkin berlaku disebabkan nilai berita hanya dilihat sebagai satu aspek yang bukan linguistik.

Sehubungan dengan itu, setiap nilai berita dalam akhbar juga dipengaruhi oleh faktor terapan ideologi penulis yang mendasari pembentukan kategorinya. Pandangan Bednarek & Caple (2017) ideologi akhbar dapat dilihat berdasarkan penyampaian bahasa yang diterapkan dalam media. Oleh itu, bentuk, ciri, kandungan dan ideologi dalam sumber verbal dapat dikenal pasti dalam sesebuah wacana akhbar. Dalam meneliti aspek nilai berita secara linguistik, pencungkilan tentang perkaitan dengan ideologi penulis juga perlu diberi perhatian. Hal ini berupaya memperlihatkan kesatuan wacana akhbar berdasarkan pembinaan nilai berita dan ideologi penulis secara keseluruhan dalam akhbar *Malaysiakini*.

Oleh hal yang demikian, kajian ini akan mengetengahkan pendekatan disiplin linguistik bagi membincangkan aspek nilai berita secara sistematik dan berpadu. Kajian yang dilakukan dapat menyumbang kepada aspek sejarah yang akan menjadi rujukan kerana seperti yang dinyatakan oleh Lerner, 1990 (Siti Aishah & Ungku Maimunah, 2014) bahawa suatu catatan yang dibuat itu pada hakikatnya merupakan bahagian tertentu yang dipilih yang dapat membantu memahami sumbangan ekonomi, politik, sosial dan budaya sesuatu tempat dan masyarakat.

### **OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN**

Bahasa ialah medium komunikasi untuk mengungkapkan idea, gagasan, pendapat, nasihat serta untuk menyampaikan sesuatu seperti ketika meminta tolong, menyuruh, mengajak, meminta maaf, memberi, bahkan menolak sesuatu (Nur Jannah & Maslida, 2017). Sehubungan dengan itu, akhbar juga merupakan medium bahasa yang telah menjadi sangat penting bagi menyampaikan mesej kepada khalayaknya. Objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumber verbal dalam akhbar *Malaysiakini* dengan memberi fokus seperti berikut (i) mengenal pasti dan menyenaraikan sumber verbal dari aspek nilai berita, iaitu kategori keelitan, impak, negatif dan positif berdasarkan ciri linguistik dalam akhbar *Malaysiakini*.

Kebergantungan masyarakat daripada pelbagai lapisan umur terhadap akhbar sangat tinggi kerana akhbar bertindak sebagai medium penyebar maklumat. Di sinilah ideologi sesebuah akhbar diserapkan dalam minda masyarakat sehinggakan unsur

pemujukan dikaburi dengan penggunaan bahasa tertentu dalam akhbar. Kajian ini cuba mengemukakan bukti dan signifikansi aspek nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini* berdasarkan ciri linguistik. Penghuraian data kajian sangat signifikan untuk membezakan penyelidikan media massa dan komunikasi dengan penyelidikan linguistik.

Sebagaimana yang dibincangkan pada bahagian pengenalan, penelitian lepas tentang analisis verbal nilai berita lazimnya dijelaskan dan diperoleh dari disiplin media massa dan komunikasi. Antara kajian dari disiplin ini yang dihasilkan, ialah kajian Siti Suriani et al. (2013), Ni Luh Ratih, Akhmar Hayati et. al. (2012) dan lain-lain. Kajian yang menekankan ciri linguistik dari aspek nilai berita sangat sukar diperoleh. Kebanyakan kajian tempatan memberi tumpuan terhadap kandungan berita, tajuk berita, pemilihan berita, kuasa, agenda dan juga ideologi. Asmah (1987) menghasilkan kajian tentang struktur laporan akhbar. Kajian beliau memberi tumpuan terhadap ringkasan dan bahasa yang digunakan dalam tajuk berita, penggunaan frasa dan klausa tertentu, teknik cakap ajuk dan pindah dan juga retorik. Kajian Rokiah (2000) pula menyentuh faktor linguistik dan bukan linguistik, namun kajian ini berfokus kepada perubahan dalam teks terjemahan berita, seperti penggunaan kata ganti nama, sistem ukuran, faktor budaya, sosial dan lain-lain.

Adapun kajian dari disiplin linguistik, seperti Anis Shahirah dan Puteri Roslina (2015) menyentuh aspek nilai berita ini namun skop kajian yang dibincangkan juga dari sudut pandangan penterjemahan berita global tanpa melibatkan perincian yang menekankan ciri linguistik dalam aspek tersebut. Perincian hanya dijelaskan secara peringkat permukaan dan mengabaikan ciri linguistik terhadap aspek nilai berita. Oleh itu, masih terdapat kelompangan dalam kajian akhbar tempatan terutamanya aspek verbal nilai berita yang perlu diberi perhatian berdasarkan penghuraian linguistik keseluruhannya.

Dalam kajian ini, pendekatan kerangka Bednarek & Caple (2017) dilihat sangat relevan untuk diterapkan. Kerangka ini bersesuaian dengan bentuk data untuk dianalisis yang menepati hasil kajian secara linguistik. Fenomena linguistik mampu mempengaruhi minda dan persepsi pembaca dalam menerima atau menolak kenyataan yang diutarakan dalam akhbar. Kajian ini menyumbang ilmu pengetahuan mengenai perkembangan sosial dalam kehidupan seharian. Dalam hal ini, penulisan dalam akhbar bukan sahaja tertumpu kepada aspek nilai berita yang wujud tetapi melibatkan penerapan ideologi penulis kepada pembaca. Keberkesanan penyebaran ideologi akhbar bergantung kepada pembentukan penggunaan wacana yang terbina dalam akhbar untuk mempengaruhi pembaca.

Dalam pada itu, penyelidikan ini turut menyumbangkan maklumat dalam pelbagai bidang selain linguistik. Misalnya, disiplin bidang linguistik boleh digabungkan dengan disiplin bidang kajian lain untuk melihat hasil kajian baharu dari aspek yang berbeza. Walaupun, terdapat keraguan dalam menggabungkan dua disiplin yang berbeza namun aspek bukan linguistik juga boleh disesuaikan dengan aspek linguistik dalam penggabungan atau penyesuaian teori penyelidikan. Pemanfaatan dalam pelbagai bidang kajian dapat mengukur keberkesanan teori yang digunakan sama ada teori tersebut terbatas dalam mengkaji aspek tertentu atau sebaliknya. Disamping itu, kajian wacana akhbar juga boleh digabungkan dan dikembangkan lagi dengan subdisiplin yang lain, seperti pendekatan semantik sosial dalam media, semiotik sosial, penggabungan dua atau lebih disiplin ilmu dan lain-lain.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif dilihat bersesuaian dalam memperkasakan kefahaman tentang sesuatu isu yang diketengahkan termasuklah isu baharu, isu kompleks dan lain-lain. Sebagaimana pandangan Othman (2007) pendekatan ini berupaya membantu penyelidik untuk menggunakan ruang sepenuhnya dan pendekatan ini sesuai diterapkan bagi data yang bersifat ekspresif. Pendekatan kualitatif ini merangkumi tiga kaedah utama iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan maklumat dan data kajian dan kaedah penganalisan data kajian. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan sepenuhnya untuk menghuraikan secara deskriptif bagi semua data. Kajian kebolehsanaan juga dijalankan untuk mengukur keberkesanan data yang diambil sebelum peringkat analisis kajian dijalankan.

Bagi kaedah pengumpulan maklumat dan data kajian, pengkaji meninjau menerusi kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang dan analisis kandungan. Kaedah ini dijalankan untuk mengumpul maklumat dengan lebih berkesan kerana melibatkan pelbagai jenis tinjauan. Kaedah kepustakaan dijalankan bagi mengumpul maklumat yang berkaitan dengan ilmu linguistik, seperti konsep, pandangan, permasalahan dan lain-lain. Lazimnya, tinjauan kepustakaan ini diperoleh berdasarkan penulisan ilmiah, jurnal, buku, artikel dan lain-lain yang dapat membantu pengkaji tentang penggunaan dan pemilihan kerangka teori baharu, lama dan berbeza.

Selain itu, kaedah laman sesawang dimanfaatkan untuk memperoleh maklumat dan data kajian. Laman sesawang akhbar *Malaysiakini* di pautan <https://www.malaysiakini.com/> diakses untuk mendapatkan data primer kajian ini. Laman sesawang yang terdiri daripada jurnal tempatan dan luar negara juga diakses untuk mendapatkan maklumat lain dalam kajian ini. Selanjutnya, kaedah analisis kandungan diaplikasikan untuk menganalisis data kajian dan data dianalisis secara deskriptif mengikut empat kategori nilai berita, sebagaimana yang diketengahkan dalam kerangka teori Bednarek & Caple (2017).

Pengumpulan data lengkap yang diperoleh dan diakses melalui pautan <https://www.malaysiakini.com/> pula akan dikumpul mengikut pengasingan data untuk dianalisis. Ciri-ciri data yang dikumpul, ialah data teks bulan Januari 2017 sehingga Disember 2018 dan data yang bersifat selektif bersesuaian untuk dianalisis. Data ini melibatkan 30 data teks versi bahasa Melayu dan terhad kepada isu sosial sahaja. Justifikasinya, 30 data yang dianalisis dilihat sangat berpada dengan kajian ini dan isu sosial yang dipilih sebagai data merupakan isu bersifat sensasi, sohor kini dan lebih menarik perhatian pembaca berbanding dengan isu lain, seperti ekonomi, politik, sukan dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, data yang terdiri daripada bentuk ayat dilabelkan mengikut sumber akhbar, nombor perenggan dan tarikh berdasarkan penomboran dan penandaan data. Dalam hal ini, (P) bermaksud urutan perenggan dan (T) bermaksud tarikh. Data yang terdiri daripada bentuk ayat akan dilabelkan mengikut sumber akhbar *Malaysiakini* (MK), nombor perenggan (P) dan tarikh (T). Misalnya, (MK, P.1 T.1 Januari 2017). Data dalam setiap kategori nilai berita dihitam tebakkan. Penomboran dan penandaan data memudahkan penyelidik untuk menyusun data secara sistematik

dan mengelak keciciran. Data yang lengkap mengikut penomboran dan pelabelan seterusnya dikumpul dan dianalisis mengikut pengkategorian nilai berita.

Akhir sekali, pemaparan data lengkap dilakukan. Pemaparan data ini mengikut setiap kategori nilai berita dan data yang dipaparkan juga mengikut urutan tahun iaitu bermula data tahun 2017 sehingga data tahun 2018. Lanjutan daripada metodologi kajian ini, setiap kaedah yang diaplikasi telah dirincikan agar kerelevanan hubungan dalam kajian dapat dilihat dengan jelas dan mencapai objektif yang ditetapkan.

## **KERANGKA TEORI**

Dalam setiap kajian, pengaplikasian teori sangat signifikan. Pengaplikasian sesuatu teori mempengaruhi hasil kajian. Oleh itu, bagi mencapai objektif kajian penyelidik menyesuaikan kerangka teori Analisis Nilai Berita Diskursif. Kerangka Teori oleh Bednarek & Caple (2017) ini bersesuaian dengan data yang digunakan dan sangat relevan dalam kajian akhbar melibatkan aspek nilai berita. Kerangka teori Analisis Nilai Berita Diskursif, merupakan satu teori linguistik yang baru. Kerangka ini berupaya mengkaji aspek nilai berita, aspek visual berita dan aspek verbal-visual berita secara linguistik. Dalam membincangkan hal ini, terdapat sepuluh kategori nilai berita berdasarkan kerangka teori ini iaitu:

### **Stereotaip**

Peristiwa yang mempunyai ciri stereotaip secara umum berdasarkan persetujuan dan keselarasan antara pandangan atau tindakan dalam masyarakat. Misalnya, ciri tipikal yang diterima oleh masyarakat tentang sesuatu imej, idea, jenis manusia ataupun benda dan berpegang teguh dengan pola yang ditetapkan.

### **Keelitan**

Nilai berita yang boleh terdiri daripada status, kuasa, selebriti, individu terkenal, peristiwa, bangsa, dan benda. Kepakaran individu, kemasyhuran, kekuasaan berdasarkan penggunaan pelbagai penanda status, label, kata sifat, kata nama, terminologi, pencapaian dan lain-lain juga tergolong sebagai keelitan.

### **Impak**

Peristiwa yang mempunyai kesan atau akibat penting dalam masyarakat, seperti kesan mental mendalam dan ketara atau akibat kepada pembaca.

### **Negatif**

Peristiwa dibina berdasarkan nilai negatif dari sudut emotif, perbuatan, tindakan, emosi dan sikap. Peristiwa yang diketengahkan menonjolkan nilai yang negatif. Misalnya, penggunaan leksikal, frasa atau klausa yang merujuk kepada kenegatifan peristiwa.

### **Positif**

Peristiwa dibina berdasarkan nilai positif dari sudut emotif, perbuatan, tindakan, emosi dan sikap. Peristiwa ini menonjolkan nilai positif, seperti penggunaan leksikal, frasa atau klausa dalam peristiwa.

### **Personalisasi**

Nilai berita personalisasi merujuk individu biasa dalam peristiwa berdasarkan pengalaman, reaksi dan emosi mereka dalam peristiwa kepada pembaca.

### **Proksimiti**

Merujuk peristiwa yang menggambarkan geografi atau budaya yang paling hampir dengan lokasi dan jarak penerbitan atau pembaca sasaran. Misalnya, rujukan eksplisit tempat atau kewarganegaraan, negara, komuniti, tempat, kata sifat dan kata ganti nama diri pertama inklusif dan eksklusif.

### **Kesangatan**

Merujuk peristiwa berskala besar seperti, bilangan, jumlah, saiz entiti dan juga aspek lain. Misalnya, peristiwa yang menonjolkan darjah tertinggi, kesangatan atau intensifikasi dalam peristiwa.

### **Kekinian**

Nilai berita kekinian merujuk ciri-ciri waktu atau masa, seperti unsur temporal dalam peristiwa. Unsur ini juga terdiri daripada rujukan temporal, trend semasa, bermusim dan sesuatu perubahan kepada yang lebih baru.

### **Keganjilan**

Nilai berita yang merujuk peristiwa janggal, pelik dan jarang berlaku. Apa-apa yang menggambarkan peristiwa pelik, kejadian yang belum pernah berlaku, jarang berlaku, unsur kejutan dan perbandingan yang menunjukkan ketaklaziman mendukung nilai berita ini.

Sebagaimana yang dijelaskan, kerangka ini terdiri daripada sepuluh kategori nilai berita. Antaranya, ialah stereotaip, keelitan, impak, negatif, positif, personalisasi, proksimiti, kesangatan, kekinian dan keganjilan. Setiap kategori nilai berita ini mempunyai ciri tertentu yang menonjolkan pengkategorian. Misalnya, ciri yang dimaksudkan ini boleh terdiri daripada penggunaan leksikal, frasa, klausa dan lain-lain. Pengaplikasian kerangka ini juga bukan hanya dapat dianalisis berdasarkan disiplin linguistik malahan kerangka ini dapat dilakukan bagi penganalisan sehalu dan perbandingan dua hala.

Dalam hal ini, kerangka yang diaplikasikan ini terlalu luas untuk dikaji sekiranya penyelidik melakukan penganalisan terhadap kesemua kategori nilai berita. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik mengecilkan skop kajian dengan hanya menganalisis dan membincangkan empat kategori nilai berita. Kategori nilai berita yang akan dianalisis dan dibincangkan, ialah keelitan, impak, negatif dan positif. Justifikasi penyelidik menskopkan kajian dengan hanya menganalisis empat kategori nilai berita kerana empat nilai berita ini merupakan nilai berita yang paling dominan dalam teks akhbar. Selain itu, empat kategori nilai berita ini dilihat sangat berpada dengan data kajian terutamanya dari sudut bilangan data yang mencukupi untuk menunjukkan kategori nilai berita ke atas data yang dianalisis. Data yang diketengahkan dalam kajian tidak terlalu luas dan tidak terlalu sempit untuk dianalisis dan disenaraikan.

## DATA DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memaparkan dapatan analisis data berdasarkan objektif yang telah ditetapkan, iaitu menganalisis sumber verbal nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini* berdasarkan pendekatan linguistik, Analisis Nilai Berita Diskursif. Dapatan analisis data melibatkan empat kategori nilai berita dijelaskan pada subkategori di bawah.

### Nilai Berita Keelitan

Dapatan analisis nilai berita keelitan dalam akhbar *Malaysiakini* terdiri daripada penggunaan aspek kata nama gelaran kurniaan kerajaan dan ikhtisas, kata sifat, terminologi dan pencapaian dan jenama mewah. Aspek ini membentuk ciri keelitan dalam teks berita. Sebagaimana yang dianalisis, ciri keelitan ini mempunyai fungsi tertentu untuk disampaikan kepada pembaca. Nilai berita keelitan ini paling banyak diketengahkan oleh penulis berbanding dengan kategori nilai berita lain. Dapatan data nilai berita keelitan juga dipengaruhi oleh faktor ideologi yang dibawa oleh penulis. Misalnya, setiap ciri yang wujud berperanan memberi kesan terhadap sesuatu isu berita. Hal ini termasuklah isu berkaitan dengan individu mahupun kebendaan yang merujuk kepada taraf keelitan. Dijelaskan beberapa subkategori yang dapat diklasifikasikan sebagai nilai berita keelitan dalam akhbar *Malaysiakini*:

### Kata Nama Gelaran Kurniaan Kerajaan dan ikhtisas

(1) MK, P.1 dan 6 T.3 Januari 2017

*Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu disiasat polis atas tuduhan rasuah selepas menerima hadiah mahal daripada seorang ahli perniagaan. Siasatan terhadap perdana menteri itu diarahkan oleh Peguam Negara Avichai Mandelblit.*

(2) MK, P.1 T.31 Mac 2017

*Datuk Seri Najib Razak yang sedang mengadakan lawatan rasmi ke India, bertemu ikon filem Tamil, Rajnikanth, di kediaman pelakon handalan itu di Chennai.*

(3) MK, P.1 T.21 Ogos 2017

*Saya ingin menyarankan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi supaya mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat insiden kehilangan pesawat MH370 yang meragut 239 nyawa.*

(4) MK, P.2 T.21 Disember 2017

*Begitu reaksi segera mufti Perlis Datuk Dr. Asri Zaibul Abidin di media sosial terhadap laporan eksklusif sebuah akhbar berbahasa Inggeris berkaitan kemungkinan wujud cubaan menutup kes penyeludupan orang di Wang Kelian, Perlis.*

(5) MK, P.6 T.2 Ogos 2018

*Kerja-kerja ekskavasi, analisis forensik, 'reconciliation process' dan 'identification board' di Terendak diketuai Mejar Jeneral Datuk Dr. Mohd Ilham Haron melibatkan*



*112 petugas daripada ATM, 110 petugas daripada agensi kerajaan serta universiti tempatan bersama 29 petugas dari New Zealand.*

Dalam contoh data (1), (2), (3), (4) dan (5) penggunaan kata nama gelaran kurniaan kerajaan dan ikhtisas banyak diketengahkan oleh penulis dalam membentuk nilai berita keelitan. Kata nama gelaran kurniaan kerajaan adalah gelaran yang dianugerahkan oleh kerajaan dari waktu ke waktu kepada orang-orang yang dianggap berjasa (Asmah, 2014). Kata nama gelaran kurniaan ikhtisas pula, ialah gelaran diperolehi oleh seseorang kerana kejayaannya dalam bidang akademik atau ikhtisas (Asmah, 2014). Penggunaan kata nama gelaran kurniaan kerajaan dan ikhtisas dalam teks berupaya membezakan dan menerangkan status sosial individu dalam kalangan masyarakat khususnya kepada pembaca. Kesemua contoh di atas menunjukkan kecenderungan penulis bagi menyetengahkan golongan elit berdasarkan penggunaan kata nama gelaran kurniaan kerajaan dan ikhtisas melibatkan isu sosial.

Sebagaimana dalam contoh di atas, penggunaan kata nama gelaran kurniaan kerajaan dan ikhtisas ini terdiri daripada ‘*Perdana Menteri*’, ‘*Timbalan Perdana Menteri*’, ‘*Datuk Seri*’, ‘*Datuk Dr.*’, ‘*Peguam Negara*’, ‘*mufti*’ dan ‘*Mejar Jeneral*’. Penggunaan kata nama gelaran kurniaan kerajaan dan ikhtisas merujuk individu kenamaan dan terkenal, seperti Benjamin Netanyahu, Datuk Seri Najib Razak, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan lain-lain, seperti dalam contoh. Dalam hal ini, isu sosial berkaitan dengan tuduhan rasuah, hubungan diplomatik, isu semasa dan pelaksana tugas penting dikaitkan dengan individu ternama yang diserlahkan berdasarkan penggunaan kata nama gelaran kurniaan kerajaan dan ikhtisas. Hal ini dilihat sebagai penyebaran ideologi penulis dalam akhbar *Malaysiakini* berdasarkan identiti individu dengan peristiwa yang mendasari unsur keelitan.

### Kata Sifat Setaraf

(1) *MK, P.2 T.10 September 2017*

*Tidak seperti **aktivis berpengalaman** seperti Datuk Ambiga Sreenevasan dan Maria Chin Abdullah, Siti Hasmah bukanlah individu yang biasa menggerakkan sesuatu himpunan untuk menyuarakan bantahan.*

(2) *MK, P.2 T.24 Julai 2018*

*Cahaya kegembiraan hadir di wajah remaja pengidap autisme, Adam Wan Mun Yu, saat dia menerima hadiah dari seseorang bernama Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin, sempena sambutan ulang tahun kelahiran Adam yang ke-17 semalam, **penyanyi tersohor** itu memberikan buah tangan berupa karakter popular terdiri daripada siri kanak-kanak, Barney & Friends.*

Berdasarkan contoh (1) dan (2), didapati data teks yang terdiri daripada ‘*aktivis berpengalaman*’ dan ‘*penyanyi tersohor*’ tergolong sebagai nilai berita keelitan berdasarkan kata sifat taraf. Menurut Asmah (2014) kata sifat taraf merujuk kepada taraf seseorang dalam masyarakat, baik dari aspek kebendaan ataupun aspek-aspek bukan kebendaan. Dalam hal ini, ciri keelitan yang diketengahkan oleh penulis merujuk

kepada individu yang berstatus elit dan selebriti di Malaysia. Dalam konteks ini, identiti dan populariti yang dimiliki oleh individu yang dimaksudkan dalam contoh (1) dan (2) bertindak sebagai unsur keelitan peristiwa.

Penulis mengetengahkan kata sifat taraf untuk dihubungkan dengan identiti individu dalam contoh (1) dan (2) yang mendasari pengetahuan umum pembaca. Misalnya, contoh (1) merujuk Datuk Ambiga Sreenevasan, Maria Chin Abdullah dan Siti Hasmah manakala contoh (2) pula, merujuk Datuk Seri Siti Nurhaliza. Berdasarkan konteks data ini, penulis mengetengahkan ciri keelitan berdasarkan kata sifat taraf untuk disuarakan dan disampaikan dalam bentuk mesej yang positif kepada pembaca. Hal ini menunjukkan bahawa setiap baris perenggan mempunyai ideologi tertentu dalam menghubungkan pembaca dengan individu yang diketengahkan. Misalnya, kedua-dua contoh di atas memberi gambaran dan perspektif yang positif terhadap individu, seperti penglibatan dalam peristiwa dan juga sikap dan perbuatan yang membawa mesej positif terhadap identiti individu.

### **Terminologi dan Pencapaian**

(1) *MK, P.2 T.25 April 2018*

***Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Sarawak Datuk Dev Kumar berkata, guru lelaki berusia 40 tahun itu ditangkap pada 3.30 petang semalam di pekarangan Balai Polis Miri.***

(2) *MK, P.1 T.15 November 2018*

***Pegawai Turus Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur Supt Shafa'aton Abu Bakar melakar sejarah bagi Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor apabila dilantik wanita pertama sebagai Ketua Polis Daerah Sungai Buloh.***

Berdasarkan contoh (1) dan (2), data ini terdiri daripada nilai berita keelitan berdasarkan terminologi dan pencapaian. Terminologi dan pencapaian yang diketengahkan oleh penulis menggambarkan kepakaran individu dalam sesuatu bidang yang diceburi. Dalam konteks ini, terminologi dan pencapaian merujuk kepada individu penting dalam sesebuah jabatan atau institusi. Dalam hal ini, contoh (1) '*Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Sarawak*' merujuk Datuk Dev Kumar selaku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Sarawak yang mengetuai operasi penting dan berbahaya. Begitu juga dalam contoh (2) '*Pegawai Turus Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak*' merujuk kepada Supretendan Shafa'aton Abu Bakar selaku Pegawai Turus Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak. Terminologi dan pencapaian berdasarkan nilai berita keelitan, ciri yang diketengahkan termasuklah kepakaran, jawatan, gelaran dan pangkat.

Berdasarkan konteks data yang disenaraikan, penulis cenderung mengetengahkan kepakaran dan pengetahuan individu dalam peristiwa. Penilitan lain tentang huraian di atas juga menunjukkan bahawa penulis memberi gambaran langsung kepada pembaca tentang individu yang dimaksudkan dan hal ini dibentuk oleh representasi ideologi

penulis. Misalnya, kepakaran dan pengetahuan individu dalam setiap data dikaitkan dengan pandangan, dan kepercayaan dalam masyarakat.

### Jenama Mewah

(1) MK, P.9 T.27 Jun 2018

Selain jenama **Bijan**, Amar Singh berkata, jenama popular seperti **Hermes**, **Prada** dan **Channel** turut ditemui dalam rampasan ke atas kediaman Najib di Jalan Langgak Duta.

Sebagaimana dalam contoh (1), data yang dihitam tebakkan terdiri daripada nilai berita keelitan berdasarkan jenama mewah. Dalam contoh (1) beg berjenama mewah, seperti 'Bijan', 'Hermes', 'Prada' dan 'Chanel' dikenal pasti sebagai salah satu aspek keelitan dalam data yang diketengahkan oleh penulis. Justifikasinya, beg berjenama mewah yang disenaraikan dalam contoh (1) lazimnya diasosiasikan dengan kelas atasan. Dalam konteks ini, penulis merujuk pemilik jenama beg mewah dengan individu yang dirujuk dalam teks berita, iaitu Datuk Seri Najib Razak. Dalam hal ini, Datuk Seri Najib Razak juga tergolong sebagai individu elit justeru beg berjenama mewah ini menyerlahkan lagi unsur keelitan dalam peristiwa. Hal ini menggambarkan bahawa kecenderungan penulis dalam mempengaruhi sesuatu isu melibatkan individu ternama dan elit juga dapat disebarkan dengan ideologi berdasarkan keselarasan pandangan dan tindakan dalam masyarakat terhadap simbol keelitan.

### Nilai Berita dan Impak

Dapatan analisis nilai berita impak dalam akhbar *Malaysiakini* telah dikenal pasti berdasarkan peristiwa yang memberi kesan mendalam dan kesan mental kepada pembaca. Hal ini dilihat sebagai ideologi penulis untuk menyetengahkan peristiwa yang mendasari nilai berita ini. Selain itu, dapatan yang menggambarkan nilai berita impak berdasarkan 'mogok lapar' dan 'Peristiwa Memali' dikenal pasti dalam contoh data (1) dan (2). Dijelaskan beberapa dapatan nilai berita impak ini.

### Peristiwa

(1) MK, P.1 T.17 April 2017

Beratus-ratus rakyat Palestin dalam penjara Israel hari ini melancarkan **mogok lapar** bagi menuntut keadaan tahanan yang lebih baik.

(2) MK, P.8 T.23 Ogos 2017

Zahid berkata, kerajaan akan mempertimbangkan penubuhan RCI sekiranya terdapat permintaan atau usul daripada individu, pertubuhan atau parti politik, **Peristiwa**

*Memali berlaku pada 19 November 1985 dan mengorbankan 18 nyawa.*

Berdasarkan contoh (1) dan (2), contoh data ini terdiri daripada nilai berita impak dalam akhbar *Malaysiakini* yang diperoleh berdasarkan isu sosial. Penulis menyetengahkan peristiwa ‘*mogok lapar*’ untuk menggambarkan situasi buruk yang sedang berlaku terhadap tahanan Palestin di Penjara Israel. Peristiwa ‘*mogok lapar*’ ini memberi kesan dan akibat penting kepada pembaca kerana gambaran ini melibatkan kekejaman kerajaan Israel terhadap rakyat Palestin. Dalam hal ini, isu ini dapat dikaitkan dengan ideologi penulis dalam membangkitkan latar belakang keagamaan terhadap tahanan Islam di Israel. Di sinilah penulis cuba menyelitkan kekuasaan, kekejaman dan penindasan kerajaan Israel terhadap tahanan Palestin untuk membina persepsi negatif pembaca terhadap kerajaan tersebut.

Bagi contoh (2) pula, nilai berita ini terdiri daripada ‘*Peristiwa Memali*’. Dalam contoh ini, penulis mengutarakan tahun kejadian peristiwa dan jumlah nyawa yang terkorban. Gambaran penulis tentang peristiwa ini, ialah impak dan akibat kepada pembaca. Isu yang diketengahkan oleh penulis sekaligus memberi kesan berpanjangan kepada pembaca dan merupakan satu tragedi buruk yang tidak dapat dilupakan. Penghuraian data yang disenaraikan dalam nilai berita ini mempunyai kecenderungan tinggi untuk memberi kesan, akibat penting dan ketara kepada pembaca termasuklah peristiwa bercirikan kesan emosi dan mental. Penelitian dan perspektif yang menggambarkan ideologi penulis dalam nilai berita ini selaras dengan pandangan Huan (2015). Huan merumuskan pandangan bahawa setiap peristiwa dalam nilai berita ini disasarkan kepada peristiwa yang dapat memberi kesan yang lebih tinggi kepada pembaca kerana dipengaruhi oleh ideologi pemilikan akhbar itu sendiri.

Hal ini dapat dijelaskan dalam contoh data (1), yakni data tersebut diselitkan dengan latar belakang penulis itu sendiri terhadap tahanan Palestin yang beragama Islam dan hal ini menonjolkan sikap bias penulis melibatkan isu keagamaan dan kebejatan isu sosial yang diutarakan. Begitu juga dalam contoh (2) penulis sengaja mengaitkan ‘*Peristiwa Memali*’ sebagai modal untuk melihat kepimpinan Datuk Seri Zahid Hamidi dan penyelesaian kepada isu lalu di bawah pentadbiran parti kerajaan yang diwakilinya. Penulis juga mempengaruhi pandangan sosial pembaca berdasarkan pengaruh media disebalik ideologi akhbar yang berpaksi kepada perbezaan pengaruh dan kuasa terhadap individu dalam ‘*Peristiwa Memali*’ ini.

### **Nlai Berita Negatif**

Merujuk dapatan analisis dalam nilai berita negatif akhbar *Malaysiakini*, didapati aspek emotif dan perbuatan paling banyak diketengahkan oleh penulis. Dalam dapatan ini, aspek yang dinyatakan terdiri daripada nilai negatif dalam peristiwa. Diperihalkan beberapa contoh data berdasarkan nilai berita negatif ini.

### Emotif

(1) MK, P.3 T.13 April 2017

*Polis mengisytiharkan wanita kulit hitam itu sebagai **mati** di tempat kejadian dan sebab kematian akan ditentukan selepas bedah siasat.*

(2) MK, P.10 T.14 Julai 2018

*Bapanya, ketua kanan ANP, Bashir Bilour, **terbunuh** dalam kejadian bom bunuh diri pada akhir 2012, menjelang pilihan raya Pakistan lalu.*

Contoh yang diketengahkan di atas terdiri daripada nilai berita negatif dari aspek emotif. Dalam contoh (1), leksikal '*mati*' membawa nilai negatif dalam peristiwa. Konteks peristiwa ini menjelaskan kematian wanita berkulit hitam yang diisytiharkan mati oleh pihak polis sewaktu di lokasi kejadian dan laporan lanjut mengenai kematian beliau akan diketahui kemudian selepas dibedah siasat. Dalam hal ini, penggunaan leksikal '*mati*' menggambarkan kenegatifan peristiwa. Leksikal '*mati*' memberi nilai rasa yang rendah untuk menggambarkan kematian seseorang. Lazimnya, leksikal '*meninggal dunia*' lebih sesuai digunakan dalam teks ini walhal penulis memilih leksikal '*mati*' bagi mengelak penggunaan leksikal '*meninggal dunia*' untuk merujuk kematian beliau.

Hal inilah menonjolkan nilai negatif dalam peristiwa dan menjadi sebahagian daripada ideologi penulis bagi mempengaruhi pembaca terhadap isu yang diutarakan dan individu yang diketengahkan dalam teks berita. Konteks ini dapat dijelaskan berdasarkan penggunaan leksikal '*mati*' bagi menggambarkan kekejaman yang merujuk kematian dan identiti beliau. Penulis juga memuatkan tentang latar belakang individu tersebut yang merupakan wanita berkulit hitam dalam contoh data (1) justeru perspektif pembaca terhadap kematian beliau menjurus ke arah negatif.

Bagi contoh (2) pula leksikal '*terbunuh*' menonjolkan kenegatifan peristiwa. Dalam konteks ini, penulis menggambarkan insiden pengeboman bunuh diri pada akhir tahun 2012 dalam tempoh pilihan raya Pakistan. Kejadian ini menyebabkan ketua kanan ANP, Bashir Bilour terbunuh dan merupakan bapa kepada Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif. Leksikal '*terbunuh*' yang digunakan oleh penulis memberi nilai rasa yang rendah kepada pembaca. Oleh itu, penggunaan kata, seperti '*menemui ajal*' atau '*meninggal dunia*' dielak penggunaannya oleh penulis bagi membangkitkan nilai negatif yang tinggi berhubung dengan insiden pengeboman dan keganasan berdasarkan leksikal '*terbunuh*' ini.

## Perbuatan

(1) MK, P.3 T.15 Jun 2017

*Sementara itu, sekumpulan lagi lelaki bersenjata **meletupkan** sebuah restoran Pizza berdekatan dengan restoran Posh.*

(2) MK, P.10 T.18 Januari 2018

*Penyerang Thakur mendakwa dia **menyembelih** budak itu supaya sekolah ditutup sekali gus dapat melengahkan program pertemuan antara guru dan ibu bapa, selain peperiksaan yang dijadualkan.*

Bagi contoh (1), iaitu 'meletupkan' dalam konteks ini menunjukkan unsur kenegatifan yang tinggi kerana 'meletupkan' ini menggambarkan bahaya, konflik, pergolakan dan penderitaan. Perbuatan 'meletupkan' oleh sekumpulan lelaki bersenjata ini memberi nilai negatif. Hal ini menggambarkan peristiwa dalam keadaan dan situasi yang buruk kepada pembaca. Begitu juga dalam contoh (2) leksikal 'menyembelih' menggambarkan perbuatan negatif. Ini kerana 'menyembelih' membawa makna dan nilai yang sangat negatif. Lazimnya, perbuatan 'menyembelih' digambarkan sebagai perbuatan manusia terhadap haiwan bagi tujuan penyembelihan namun dalam konteks ini, 'menyembelih' memperihalkan perbuatan negatif untuk memberi nilai rasa yang berbeza kepada pembaca. Perbuatan 'menyembelih' dalam konteks peristiwa ini disama-ertikan dengan perbuatan mengelar dan membunuh mangsa.

Sebagaimana yang dibincangkan dalam huraian di atas, nilai berita ini dikesan berdasarkan aspek emotif dan perbuatan. Hal ini dilihat sebagai satu strategi penulis dalam mengetengahkan nilai negatif terhadap isu sosial dalam akhbar *Malaysiakini*. Kesemua aspek ini menonjolkan nilai negatif yang tinggi dan hal ini mewujudkan intensifikasi dalam peristiwa melibatkan isu kematian, pembunuhan dan kesalahan jenayah. Isu melibatkan kematian, pembunuhan dan kesalahan jenayah paling banyak diutarakan dalam dapatan kajian bagi nilai berita negatif.

## Nilai Berita Positif

Bagi dapatan nilai berita positif, pengenalan pastian tentang aspek yang menonjolkan nilai positif dapat dijelaskan berdasarkan situasi, emosi, sikap dan sifat. Dapatan bagi setiap peristiwa menghubungkan nilai positif kepada pembaca. Misalnya, keselamatan, kejayaan, kemenangan, kegembiraan, pertolongan dan sikap yang positif. Dapatan kajian nilai berita positif juga dipengaruhi oleh ideologi penulis. Misalnya, kepositifan tinggi dalam peristiwa seperti dalam data secara dominan dikaitkan dengan individu ternama dan terkenal. Beberapa bahagian dalam contoh data diketengahkan bagi menjelaskan nilai berita positif dalam akhbar *Malaysiakini*.

## Stuasi

*MK, P.5 T.29 Julai 2018*

*Menurut Zamshari terdapat 150 pelajar Malaysia di Lombok dan mereka dilaporkan selamat.*

*(1) MK, P.6 T.8 Disember 2018*

*Sambil bergerak menuju ke Dataran Merdeka Ellie dan kawan-kawannya turut bersorak "Ayuh! Ayuh! Ayuh Melayu, hari ini kita sudah **menang!**" kata mereka.*

Contoh (1) dan (2) dalam nilai berita positif dapat dijelaskan berdasarkan penggunaan leksikal ‘*selamat*’ dan ‘*menang*’. Kedua-dua contoh ini menunjukkan nilai positif dalam peristiwa. Dalam contoh (1) konteks peristiwa menjelaskan tentang perihal situasi tentang keselamatan 150 pelajar Malaysia yang berada di Lombok. Oleh itu, leksikal ini memberi makna atau nilai yang positif.

Begitu juga dalam contoh (2) di atas, leksikal ‘*menang*’ menggambarkan situasi kemenangan atau kejayaan. Dalam konteks ini, perihal peristiwa kemenangan yang membawa kepada nilai positif dijelaskan berdasarkan sorakan kuat oleh Ellie bersama rakan-rakannya ketika bergerak menuju ke Dataran Merdeka. Hal ini menggambarkan peristiwa dalam sesuatu perarakan atau perhimpunan bagi menyambut kemenangan mereka. Dalam huraian ini, dapat dijelaskan bahawa penulis banyak menyelitkan nilai positif untuk merujuk situasi berdasarkan penglibatan rakyat Malaysia dan kaum Melayu dalam akhbar *Malaysiakini*. Dalam contoh data (1) dan (2) di atas secara keseluruhan, dapatlah dinyatakan bahawa perspektif dan ideologi penulis telah diketengahkan dalam bentuk nilai yang positif kepada pembaca bagi mewujudkan kesan positif melibatkan latar belakang rakyat Malaysia dan kesepakatan dalam kalangan kaum Melayu.

## Emosi

*(1) MK, P.11 T.31 Mac 2017*

*"Siapa yang tak kenal @superstarrajini? **Gembira** dapat bertemu superstar itu secara peribadi hari ini," kata Najib melalui Twitternya sekali lagi petang ini.*

Selanjutnya, leksikal ‘*gembira*’ dalam contoh (1) terdiri daripada nilai berita positif. Dalam konteks ini, emosi ‘*gembira*’ ini menggambarkan emosi positif Datuk Seri Najib Razak. Penulis menggambarkan kegembiraan Datuk Seri Najib Razak ketika bertemu Rajnikanth, seperti yang dinyatakan oleh beliau di media sosial. Hal ini memberi kesan dan reaksi positif pembaca tentang pertemuan Datuk Seri Najib Razak bersama

Rajnikanth. Berdasarkan contoh data ini, didapati penulis lebih tertumpu terhadap strategi untuk mengaitkan Datuk Seri Najib Razak ke arah imej yang positif. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan usaha penulis dengan memilih dan memuatkan kegembiraan Datuk Seri Najib Razak dalam teks berita.

### Sikap dan Sifat

(1) MK, P.9 T.21 Ogos 2017

*Rakyat Malaysia patut bersyukur kerana kita mempunyai seorang timbalan perdana menteri yang amat **prihatin** dan mudah mempertimbangkan bagi menubuhkan RCI ke arah menyiasat mana-mana insiden di tanah air yang tercinta ini.*

(2) MK, P.1 T.10 September 2017

*Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dikenali sebagai wanita yang memiliki tutur bicara yang **lemah lembut**.*

Sejajar dengan itu, data yang dihitam tebal, seperti '*prihatin*' dan '*lemah-lembut*' juga terdiri daripada nilai berita positif. Dalam contoh (1), '*prihatin*' yang dihitam tebal merujuk sikap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi. Leksikal '*prihatin*' ini menggambarkan sikap beliau yang sentiasa mengambil berat tentang cadangan Deklarasi Rakyat untuk mempertimbangkan penubuhan RCI bagi menyiasat pelbagai insiden di tanah air. Dalam hal ini, penulis mengetengahkan sikap keprihatinan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk menghubungkan nilai positif kepada pembaca. Bagi contoh (2) pula, '*lemah-lembut*' merujuk sifat Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali. Penulis menggambarkan sifat '*lemah-lembut*' beliau sewaktu berbicara dan beliau sangat dikenali dalam kalangan masyarakat selaku bekas wanita pertama Malaysia.

Sebagaimana dalam contoh (1) dan (2) di atas, penulis mengetengahkan nilai positif berdasarkan sikap dan sifat yang merujuk kepada individu ternama dan terkenal. Dalam hal ini, penulis telah membina ideologi yang positif terhadap Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Tun Dr. Siti Hasmah, yakni dengan menyuarakan dan menyampaikan dalam bentuk mesej yang positif kepada pembaca. Hal ini seperti yang dikatakan oleh Fowler (1991) bahawa media mempunyai kuasa dalam memilih kelompok untuk diberi keutamaan atau kelompok lain untuk dipinggirkan. Dalam hal ini, penulis menunjukkan sikap bias dalam mengetengahkan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Tun Dr. Siti Hasmah ke arah nilai dan imej yang positif. Perkara inilah yang membawa kepada interaksi antara penggunaan bahasa dan juga konteks tertentu kepada pembaca.



## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, perbincangan dalam kajian ini memperlihatkan penganalisan verbal nilai berita, iaitu berhubung empat kategori nilai berita dalam akhbar *Malaysiakini* yang dapat diperincikan dan dijelaskan secara linguistik. Analisis ini turut menjelaskan fungsi dan intipati setiap kandungan nilai berita yang dibincangkan. Melalui analisis kajian ini juga, ideologi dalam sumber verbal berjaya dikesan berdasarkan strategi yang digunakan oleh penulis. Setiap kandungan nilai berita yang diketengahkan oleh penulis mempunyai tujuan dan signifikasi tertentu untuk disampaikan kepada pembaca. Dalam akhbar *Malaysiakini*, sumber verbal ini sangat signifikan dan hal ini berupaya mengenal pasti dan mempengaruhi terapan ideologi penulis dalam membentuk dan mengubah persepsi pembaca terhadap sesuatu isu sosial teks berita. Oleh hal yang demikian, dapat dijelaskan bahawa penganalisan sumber verbal, yakni nilai berita secara linguistik kini berhasil dan terjawab. Pada masa akan datang, diharapkan pengkaji baru berjaya memperoleh dapatan terkini dalam mengkaji aspek-aspek baru melibatkan penerapan dan pengkonseptualan linguistik selain berupaya memperluaskan kajian dengan lebih sistematik.

## RUJUKAN

- Akmar Hayati Ahmad Ghazali, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Mohd Nizam Osman. 2012. Keperluan dan Penerimaan Remaja Terhadap Akhbar. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 58, 119-126.
- Anis Shahirah Abdul Sukur & Puteri Roslina. 2015. Analisis Piramid Terbalik dan Nilai Berita dalam Penterjemahan Berita Dunia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 51-79.
- Asmah Hj. Omar. 2014. *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1987. *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bednarek, M & Caple, H. 2017. *The Discourse of News Value: Hows News Organizations create Newsworthiness*. U.S: Oxford University Press.
- Darwalis Binti Sazan. 2021. *Analisis Diskursif Berita Terpilih dalam Akhbar Malaysiakini*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Everette, E. Dennis, Arnold, H. Ismach & Donald M. Gillmor. 1994. Md Salleh Kassim (Terj.). *Isu-isu Komunikasi Massa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fowler, R. G. 1991. *Language in the News: Discourse and Ideology in the Press*. London, New York: Routledge.
- Huan, C. 2015. 'Journalistic Stance in Chinese and Australian Hard News'. PhD thesis, Maccquarie University, Australia.
- Malaysiakini. 2017. Terima Hadiah Mahal, PM Israel Disiasat Rasuah. <https://www.malaysiakini.com/news/367943> (akses pada 4 Januari 2017).
- Malaysiakini. 2017. Parlimen UK Diserang, PM Selamat. <https://www.malaysiakini.com/news/376680> (akses pada 23 Mac 2017).
- Malaysiakini. 2017. Najib Bertemu Rajinikanth, Berswafoto di India. <https://www.malaysiakini.com/news/377642> (akses pada 31 Mac 2017).

- Malaysiakini. 2017. Hakim Wanita Muslim Pertama di Amerika Ditemui Mati. <https://www.malaysiakini.com/news/378996> (akses pada 14 April 2017).
- Malaysiakini. 2017. Rakyat Palestin Dalam Penjara Israel Mogok Lapar. <https://www.malaysiakini.com/news/379452> (akses pada 17 April 2017).
- Malaysiakini. 2017. Mogadishu: Serangan di Dua Restoren, 17 Maut, 26 Cedera. <https://www.malaysiakini.com/news/385681> (akses pada 16 Jun 2017).
- Malaysiakini. 2017. Tubuh RCI Siasat Kehilangan Pesawat MH370. <https://www.malaysiakini.com/letters/392603> (akses pada 22 Ogos 2017).
- Malaysiakini. 2017. Zahid Akan Buat Sidang Media Khas Isu Memali. <https://www.malaysiakini.com/news/392923> (akses pada 24 Ogos 2017).
- Malaysiakini. 2017. Hasmah Gerakan Wanita dalam Himpunan Ungu. <https://www.malaysiakini.com/news/392923> (akses pada 11 September 2017).
- Malaysiakini. 2017. Macam Wilayah Mafia, Kata Mufti. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/398774> (akses pada 22 Disember 2017).
- Malaysiakini. 2018. Pelajar Perempuan Tikam Budak Lelaki Dalam Tandas. <https://www.malaysiakini.com/news/409016> (akses pada 19 Januari 2018).
- Malaysiakini. 2018. 1,000 hadir ke pengkebumian Vasanthapriya. <https://www.malaysiakini.com/news/410870> (akses pada 2 Februari 2018).
- Malaysiakini. 2018. Guru Ditahan Disyaki Cabul Murid Tahun Dua. <https://www.malaysiakini.com/news/421458> (akses pada 26 April 2018).
- Malaysiakini. 2018. Rampasan Beg 'Bijan' di 'rumah' Najib Curi Tumpuan. <https://www.malaysiakini.com/news/431529> (akses 28 Jun 2018).
- Malaysiakini. 2018. 128 Maut Serangan ke atas Perhimpunan P'raya Pakistan. <https://www.malaysiakini.com/news/439058> (akses 15 Julai 2018).
- Malaysiakini. 2018. Dua Barney dari Siti Ceriakan Adam. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/435706> (akses 25 Julai 2018).
- Malaysiakini. 2018. Seorang Rakyat Malaysia Terkorban Gempa Bumi di Lombok. <https://www.malaysiakini.com/news/436376> (akses 29 Julai 2018).
- Malaysiakini. 2018. 28 Rangka Op Te Auraki Diserahkan 20 Ogos ini. <https://www.malaysiakini.com/news/437042> (akses pada 2 Ogos 2018).
- Malaysiakini. 2018. Shafa'aton Wanita Pertama Dilantik Ketua Polis Daerah Sungai Buloh. <https://www.malaysiakini.com/news/442595> (akses pada 15 November 2018).
- Malaysiakini. 2018. Kita Menang!. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/455268> (akses pada 8 Disember 2018).
- Ni Luh Ratih Maha Rani. 2013. Persepsi jurnalis dan praktis humas terhadap nilai berita. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 10 (1), 83-96.
- Nur Jannah Ab Rahman & Maslida Yusof. 2017. Strategi Berkomunikasi Generasi Muda Melayu: Analisis Lakuan Bahasa Penolakan. *Jurnal Melayu*. Isu Khas, 354-375.
- Othman Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Rokiah Awang. 2000. "The Translation Of English News Into Malay In The Malay Newspaper Of Malaysia." Tesis Doktor Falsafah (Tidak Diterbitkan), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Sarimah Ismail, & Hamed Mohd Adnan. 2011. Profil Ruangan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13 (2), 75-91.

- Shahrul Nazmi Sannusi & Ong, Y., M. 2016. Strategi Pemilihan Berita Halaman Hadapan Akhbar Berbahasa Melayu dan Cina: Kajian Terhadap Berita Harian dan China Press. *Jurnal Melayu*. 15 (1): 14-25.
- Siti Aishah Mohamed Salim & Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2014. Membaca Perwatakan Stamford Raffles Menggunakan Pensejarahan Baru: Analisis Dua Teks. *Jurnal Melayu*. 11 (1), 1-13.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. 2013. Pemilihan Berita dari Perspektif Wartawan Media Cetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 29 (2), 51-68.

### **Biodata Penulis:**

**Darwalis Binti Sazan** adalah calon Doktor Falsafah di Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Kajian penulis melibatkan bidang fonetik dan fonologi, analisis wacana, media dan komunikasi.

**Noriah Binti Mohamed** adalah mantan profesor di Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah sosiolinguistik, sejarah bahasa Melayu dan linguistik sejarah.

**Md Zahril Nizam Bin Md Yusoff** adalah calon Doktor Falsafah di Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Penulis menghasilkan kajian melibatkan bidang analisis wacana, stilistik, dan linguistik forensik.

**Sa'adiah Binti Ma'alip** adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau dalam sosiolinguistik dan penulis banyak menghasilkan kajian bahasa minoriti.